

02 SEP 2000

Mahathir-Islam/I

TIBA MASANYA DUNIA ISLAM MELIHAT DIRI SENDIRI, KATA MAHATHIR

Oleh: Mohamed Kamel Othman

CHICAGO, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sudah tiba masanya dunia Islam melihat diri sendiri dan memutuskan sama ada ia ingin maju ke hadapan atau tidak.

"Dunia Islam hari ini penuh dengan paradoks dan percanggahan, walaupun mempunyai sumber yang kaya, kita dari segi ekonomi masih miskin dan lemah. Sementara ada di antara kita yang mewah, kebanyakannya hidup dalam kemiskinan," katanya.

Dr Mahathir berkata sementara terdapat banyak pencapaian dalam sains dan teknologi, tetapi bagi umat Islam keadaannya masih jahil dan ketinggalan.

Ini amat berbeza semasa zaman kegemilangan Islam yang mana berlaku pencapaian duniawi dan kerohanian, zaman penaklukan dan kecemerlangan, katanya semasa majlis menerima anugerah "Lariba Life Time Achievement" di Pusat Budaya Islam, Greater Chicago di Northbrook, di sini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja tiga hari menerima anugerah itu daripada pengasas Lariba, Dr Yahia Abdul-Rahman, sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinannya.

Anugerah itu sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan Dr Mahathir dalam pembangunan ekonomi, dasar kewangan, keharmonian pelbagai budaya dan etnik, dan juga peranan beliau semasa kegawatan ekonomi yang melanda Asia pada 1998.

Dr Mahathir mengemudi usaha pemulihan ekonomi Malaysia dengan mengadakan kawalan modal terpilih-pilih, dan tidak menerima pakai program pemulihan yang disarankan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) semasa krisis ekonomi serantau tersebut.

Malaysia adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara yang tidak mengguna pakai program pemulihan IMF tersebut, dan dengan itu berjaya memulihkan ekonominya.

Dr Mahathir berkata: "Berapa lama kita telah jatuh hari ini, berbanding sebelum ini. Saya katakan sama ada kita ingin maju ke hadapan, kerana ada di antara kita yang mahu berbuat demikian dan banyak yang lain takut untuk menghalang mereka kerana mereka menimbulkan Islam sebagai pegangan dan apa juga yang mereka lakukan."

"Kecuali kita memutuskan untuk maju ke hadapan, adalah tidak bermakna untuk kita berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir berkata pengalaman Malaysia menangani kegawatan ekonomi dan kewangan boleh dijadikan tauladan bagi negara-negara membangun, terutamanya negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Pengajaran yang paling penting daripada pengalaman itu ialah perlunya untuk mengetahui penyebab kegawatan, bagaimana ia bertindak dan hubung kait antara beberapa faktor, katanya.

Apabila ia diketahui, tidak sukar untuk mengadakan strategi untuk menangani masalah itu, katanya.

Beberapa rumusan penyelesaian mungkin timbul bagi sesuatu masalah dan rumusan itu perlu dibahaskan dan dicuba, katanya.

"Rumusan penyelesaian sokongan mesti disediakan jika rumusan asalnya tidak menepati matlamat. Pelaksanaan strategi atau penyelesaian perlu dicuba oleh pembuat keputusan, sekurang-kurangnya mengawasi proses pelaksanaan dan mengambil tindakan pembetulan.

"Maklumat yang lengkap dan berterusan adalah sangat penting. Data, graf dan carta dapat menggambarkan dengan lebih baik, berbanding laporan yang menggunakan perkataan. Penjelasan mesti dibuat secara lisan oleh mereka yang melaporkan," katanya.

Dr Mahathir berkata masa depan ekonomi umat Islam terletak di tangan umat Islam sendiri.

"Benar, kita tinggal dalam dunia yang dikuasai orang lain dari segi ekonomi dan politik. Benar, kita tinggal dalam dunia yang tidak menyukai Islam, tetapi tiada apa yang dapat menghalang umat Islam daripada membangun sekali lagi, jika mereka mahu berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata perubahan penting yang perlu dilakukan oleh dunia Islam adalah untuk menerima realiti dan untuk menyesuaikan diri dengannya tanpa meninggalkan dasar (fundamental) Islam.

"Saya sengaja menggunakan perkataan fundamental kerana fundamental Islamlah yang mewujudkan tamadun kegemilangan Islam berabad-abad lalu. Apa yang dianggap fundamentalis Islam hari ini hanya berminat memerangkap umat Islam dan bukannya fundamental yang sebenar," katanya.

"Cara mereka hanya akan menimbulkan perpecahan antara umat Islam, membantutkan kemajuan dan meningkatkan tekanan terhadap umat Islam," katanya.

"Jihad sebenar adalah perjuangan untuk perpaduan umat Islam, pencapaian negara-negara Islam, pengetahuan dan kemahiran agar umat Islam bebas dari tekanan dan mampu menempatkan diri sebagai anggota tamadun Islam yang berjaya," katanya.

Berkaitan anugerah itu, Dr Mahathir berkata ia adalah satu penghormatan kerana beliau adalah yang pertama menerima anugerah tersebut.

Bagaimanapun beliau berkata rakyat Malaysialah yang sebenarnya patut menerima anugerah itu kerana sokongan, kefahaman dan kerjasama merekalah negara berjaya mempertahankan ekonomi daripada serangan luar yang ingin memusnahkannya.

"Kami terpaksa melakukannya sendiri tanpa bantuan IMF, Bank Dunia atau negara-negara lain. Oleh itu saya menerima anugerah berprestij ini sebagai penghormatan kepada rakyat Malaysia," katanya dengan disambut tepukan gemuruh dari lebih 300 yang menghadiri majlis itu.

Lariba, Rumah Kewangan Amerika, adalah sebuah syarikat kewangan bebas yang menawarkan kewangan mengikut syariat Islam kepada umat Islam dan bukan Islam di Amerika Syarikat.

Ia ditubuhkan dalam tahun 1987 oleh sekumpulan ahli perniagaan Islam di Amerika Syarikat. Selain daripada bermaksud "tiada riba", Lariba, adalah singkatan kepada "Los Angeles Reliable Investment Bankers Associates".

Syarikat itu mempunyai lesen untuk berniaga di Arizona, California, Georgia, Michigan, Kentucky dan New Jersey. Ia juga dalam usaha mendapatkan lesen untuk berniaga di Minnesota, Colorado, Virginia, Maryland, Illinois, Missouri, Kansas dan Washington State.

-- BERNAMA

MKO RI